

CNS3611

R GB 08-10 00167 BB654

bah

Mahathir - Obor

PERDANA MENTERI NYALAKAN OBOR PESTA KEBUDAYAAN MALAYSIA

ALOR SETAR, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyalakan obor perasmian Pesta Kebudayaan Malaysia Ke-10 dengan disaksikan oleh kira-kira 20,000 penonton di Stadium Darulaman di hari ini.

Terdahulu, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff merasmikan pesta itu di tempat yang sama.

Larian membawa obor itu, membabitkan 2,200 pelari bermula dari Bukit Cina, Melaka pada 12 Sept lepas dan berakhir di sini hari ini.

Yang menyaksikan upacara itu antaranya ialah isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

Orang kenamaan lain ialah Pengerusi Bersama pesta itu, Datuk Syed Razak Syed Zain yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri dan Yang Dipertua Dewan Perhimpunan Cina Kedah, Senator Datuk William Chek Lin Kwai.

Pesta yang berlangsung sehingga 11 Okt itu ialah anjuran Dewan Perhimpunan Cina Kedah. -- Lagi

▼08/10/20-27MST

R GB 08-10 00140 BB655

bah

Mahathir - Obor 2 Alor Setar

Upacara itu bermula kira-kira 6.05 petang dan Dr Mahathir kemudian menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan yang diadakan sempena perasmian itu.

Pertunjukan itu antaranya ialah persembahan koir oleh kanak-kanak sekolah pelbagai kaum yang menyanyikan lagu-lagu "Sejahtera Malaysia", "We are the World" dan lagu Mandarin, "Warisan Tanglung".

Acara paluan rebana ubi dan persembahan kompang serta pertunjukan silat oleh 900 anggota Persatuan Silat Negeri Kedah sebagai acara persembahan kebudayaan Melayu juga diadakan.

Masyarakat kaum India mempersembahkan tarian diiringi pukulan gendang tabla manakala masyarakat keturunan Siam di negeri ini juga mengadakan persembahan tarian kebudayaan kaum itu.

Seramai 1,300 orang anggota Persatuan Tai-Chi Malaysia pula mempersembahkan acara senaman tai-chi dan masyarakat keturunan Cina pula mengadakan persembahan pukulan "Gendang 24 Musim" selain tarian naga dan singa. -- Lagi

▼08/10/20-31MST

CNS3622

R GB 08-10 00165 BB656

bah

Mahathir - Obor 3 (akhir) Alor Setar

Terdahulu, Osman berkata, pelbagai adat resam yang menjadi ciri-ciri kebudayaan pelbagai kaum di negara ini hidup subur kerana adanya sikap bertolak-ansur di kalangan rakyat.

"Sebenarnya inilah teras perpaduan rakyat Malaysia selama ini. Masing-masing menerima hakikat bahawa kebudayaan sesuatu kaum itu mesti dihormati demi mengekalkan perpaduan serta menjamin kemajuan negara yang berterusan," katanya.

"Saya sedar sesetengah pihak menganggap soal kebudayaan sebagai isu sensitif. Ini memang benar kerana pengalaman masa lalu menunjukkan ada pihak menggunakan isu kebudayaan bagi tujuan tertentu," tambahnya.

Beliau juga berkata, kerajaan sedang berusaha meletakkan Malaysia dalam barisan negara maju dan berpengaruh di dunia dan matlamat itu bukan mustahil untuk dicapai.

"Saya amat berbangga bahawa di sebalik perbezaan adat resam, agama dan budaya, rakyat Malaysia pada keseluruhannya tetap bersatu dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

"Masing-masing sanggup bertolak-ansur demi mengekalkan perpaduan, kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat," kata beliau. -- Bernama.

KHY FAZ

▼08/10/20-42MST

CNS3645

R GB 08-10 00159 BH165

DAH .

Mahathir - Obor 4 (Akhir) Alor Setar (Sambungan berita terdahulu)

Sementara itu, malam ini Perdana Menteri, Menteri Besar dan isteri masing-masing menghadiri jamuan malam sempena pesta itu di Hotel Grand Continental di sini.

Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah dan Osman kemudian melawat gerai-gerai pameran dan menyaksikan persembahan tarian singa di Tapak Ekspo.

Mereka juga menyaksikan perarakan kebudayaan dari atas jejantas di Jalan Badlishah di sini.

Seramai 15,000 orang dari pelbagai kaum menyertai perarakan itu dari tempat berlangsungnya upacara perasmian pesta di Stadium Darulaman hingga ke Tapak Ekspo dengan melalui Lebuhraya Darulaman, Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Badlishah.

Antara pasukan yang menyertai perarakan itu ialah pasukan membawa bendera Malaysia dan negeri, kanak-kanak sekolah membawa tanglung, pasukan pancaragam sekolah dan pasukan cingay.

Perdana Menteri dan isteri berlepas pulang kira-kira 10.30 malam setelah meluangkan masa kira-kira dua jam menyaksikan pelbagai acara pesta itu. -- Bernama.

KHY CR